

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM
[BALING – BN]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN (NO. ⁵⁰55)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan pembangunan Kementerian bagi meningkatkan taraf kualiti sukan terutamanya di kawasan luar bandar di mana masih ramai anak-anak kampung amat dahagakan tempat untuk beriadah dan bersukan yang elok seperti padang bola, gelanggang futsal atau dewan badminton memandangkan masih banyak kampung-kampung di kawasan pedalaman tidak mempunyai padang bola atau gelanggang untuk bersukan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa meningkatkan tahap fasiliti sukan di seluruh negara dengan menambah bilangan kemudahan serta menaiktarafkan fasiliti sedia ada. Pembangunan fasiliti sukan dilaksanakan bagi setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun dan KBS sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan dan permintaan rakyat dalam bidang sukan melalui pelaksanaan projek fizikal.
2. Fasiliti sukan yang disediakan di bawah KBS adalah Kompleks Belia dan Sukan Negeri, Kompleks Rakan Muda, Kompleks Sukan Komuniti, gelanggang futsal dan gelanggang sukan di seluruh Malaysia. KBS juga amat menggalakkan kerjasama pihak Kerajaan Negeri, PBT dan syarikat swasta untuk menyediakan fasiliti sukan kepada masyarakat setempat selaras dengan usaha untuk membudayakan sukan dan gaya hidup sihat. Selain itu, fasiliti sukan sedia ada di bawah Jabatan / Agensi Kerajaan / termasuk universiti dan sekolah digalakkan dibuka penggunaannya kepada orang awam selaras dengan usaha National Blue Ocean Strategy.

Sekian, terima kasih.